

11/08/2000

Bulan Kemerdekaan pupuk semangat perpaduan

Rohaniza Idris

PERTAMA kali dalam sejarah negara, sambutan Hari Kebangsaan disambut selama sebulan. Ini adalah gagasan baru kerajaan dan wawasan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menyatupadukan rakyat Malaysia melalui satu perayaan.

Jika sebelum ini perayaan yang ada di negara ini disambut mengikut kaum seperti Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas, acara sambutan terbaru ini meluaskan kesempatan kepada semua rakyat Malaysia bersatu menyambut satu perayaan yang dikenali sebagai Bulan Kemerdekaan.

Inilah masa yang sesuai untuk kerajaan memupuk kembali semangat perpaduan rakyat yang tergugat sejak kebelakangan ini. Pelbagai peristiwa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, banyak memberi kesedaran. Berdasarkan iktibar daripadanya, kerajaan mengorak langkah mencari alternatif untuk menyatukan kembali rakyat serta menerapkan semangat cintakan negara.

Bulan Kemerdekaan akan menjadi ruang untuk semua parti politik bersama-sama melupakan fahaman politik masing-masing dan berkongsi kegembiraan di samping menghayati erti sebenar kemerdekaan serta perjuangan dan pengorbanan pejuang kemerdekaan.

Sambutan Bulan Kemerdekaan dari 17 Ogos hingga 16 September ini dibahagikan kepada empat acara utama - pelancarannya dengan upacara menaikkan bendera, program Ambang Merdeka, perarakan dan majlis penutup perayaan.

Upacara menaikkan bendera yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadualkan berlangsung pada 17 Ogos. Sambutan yang sama akan diadakan serentak di seluruh negara.

Semua kerajaan negeri, majlis daerah, sekolah, syarikat swasta, pejabat kerajaan serta kilang industri disarankan mengadakan upacara yang sama pada tarikh berkenaan bagi menunjukkan semangat patriotik.

Program Ambang Merdeka pula akan diadakan tepat jam 12 tengah malam pada 30 Ogos. Program ini adalah simbolik untuk mengingati detik Tunku Abdul Rahman menurunkan bendera Union Jack dan menggantikannya dengan Jalur Gemilang sebagai menandakan Malaysia bebas daripada belunggu penjajahan British.

Perarakan yang menjadi acara kemuncak Bulan Kemerdekaan akan diadakan di Shah Alam. Inilah pertama kali Shah Alam dipilih menjadi tuan rumah perarakan itu manakala upacara penutup Bulan Kemerdekaan pada 16 September akan diadakan di Kota Kinabalu, Sabah. Pemilihan tarikh itu bertepatan dengan tarikh Sabah dan Sarawak merdeka.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata Bulan Kemerdekaan bakal menjadi sambutan tahunan dan landasan bagi mengukuhkan lagi integrasi nasional.

"Sebagai sebuah negara yang memang menjadi contoh dalam mengekalkan perpaduan kaum, inilah masa yang sesuai untuk kita meyakinkan dunia bahawa kita mampu bersaing dengan negara maju.

"Di samping itu, sambutan ini menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia akan bersatu menghadapi rancangan jahat musuh negara seperti yang berlaku pada 1998, iaitu serangan mata wang yang melumpuhkan ekonomi negara," katanya.

Sambutan selama sebulan ini akan diisi dengan pelbagai program berfaedah. Semua masjid akan mengadakan majlis bacaan Yassin, tahlil, doa selamat dan khutbah pada Jumaat minggu terakhir sebelum 31 Ogos. Penganut

agama Hindu akan mengadakan upacara sembahyang pada malam Jumaat sambil penganut Buddha dan Kristian melakukannya pada hari Ahad.

Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Kedah (Jaik), Datuk Sheikh Yahya Jusoh, berkata program keagamaan yang diatur sempena Bulan Kemerdekaan membuktikan kerajaan tidak pernah mengetepikan soal agama dalam acara penting.

Sehubungan itu, beliau menyeru umat Islam bersama-sama menyertai program bacaan doa, tahlil dan bacaan Yassin untuk mendoakan kesejahteraan negara.

Seorang lagi ketua agama, Paderi Besar Malaysia, Datuk Dr Lim Cheang Ean, berkata kemakmuran negara yang dikecapi kini perlu dikekalkan.

"Dengan adanya keharmonian, rakyat boleh menjalankan aktiviti harian dengan aman," katanya.

Kejadian di Sipadan serta Sauk boleh diambil iktibar oleh semua pihak agar tidak leka atau bersikap sambil lewa kerana berpendapat keamanan adalah tanggungjawab kerajaan semata-mata.

Selain menampilkan unsur perpaduan, sambutan kali ini dijangka menjadi acara yang berwarna-warni dengan hiasan lampu pada waktu malam.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan nampaknya bersungguh-sungguh dan meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) dan majlis daerah memasang lampu berwarna-warni di semua bandar dan desa di seluruh negara. Penduduk kampung turut disarankan menghiasi rumah mereka dengan panjut dan tanglung.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga memberi potongan sehingga 50 peratus ke atas tarif elektrik sepanjang Bulan Kemerdekaan.

Di samping itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga menganjurkan Karnival Jualan Mega 2000 selama sebulan mulai 5 Ogos lalu. Selain menghayati erti kemerdekaan, rakyat boleh membeli-belah dan menikmati potongan harga sehingga 70 peratus.

Untuk memastikan rakyat benar-benar menghayati erti kemerdekaan melalui Bulan Kemerdekaan bukannya mudah. Sehubungan itu, sektor swasta perlu turut memberi kerjasama dan bantuan, sama ada dalam bentuk kewangan, harta benda, perkhidmatan atau sekadar penyertaan.

Kilang-kilang industri, syarikat kewangan dan syarikat multinasional mungkin boleh mengadakan program khas mereka sendiri. Program yang dijalankan tidak perlu besar-besaran tetapi cukup untuk membangkitkan semangat patriotik serta memberi kesan dalam jiwa pekerja masing-masing.

(END)